

Unit 4


HAIWAN



Apakah makanan yang mungkin dimakan oleh haiwan-haiwan ini?

Pengelasan Haiwan


Perhatikan gambar di bawah.



Arnab




Burung Helang




Ular



Ayam



Gajah



Monyet

Apakah makanan haiwan-haiwan ini?



Cikgu, bagaimanakah kita boleh mengelaskan haiwan-haiwan ini?

Kita boleh mengelaskan haiwan-haiwan ini berdasarkan tabiat pemakanannya.



**Haiwan
yang makan
tumbuh-tumbuhan**



**Haiwan
yang makan
haiwan lain**



**Haiwan
yang makan
tumbuh-tumbuhan
dan haiwan lain**



Berdasarkan pengelasan di atas, bolehkah kamu berikan contoh haiwan lain yang mempunyai tabiat pemakanan seperti haiwan di atas?

Buku Aktiviti
Halaman:

37



Tabiat Pemakanan Haiwan

Cikgu, arnab ini makan lobak merah dan sawi.

Ya, arnab ialah haiwan **herbivor** kerana hanya makan tumbuh-tumbuhan.



Macam mana pula dengan harimau yang hanya makan daging?

Harimau ialah haiwan **karnivor** kerana makan haiwan lain sahaja. Ada atau tidak haiwan yang boleh makan kedua-duanya?



Ada cikgu! Saya tengok ayam makan bijirin dan cacing.

Ayam ialah haiwan **omnivor** kerana boleh makan tumbuh-tumbuhan dan haiwan lain.



Berikan contoh haiwan herbivor, karnivor dan omnivor yang lain. Mengapa kamu memilih haiwan tersebut?

**Alat dan Bahan**

- tanah liat
- kertas putih
- pen penanda

Langkah-langkah

1. Bentukkan tiga model haiwan yang berbeza mengikut tabiat pemakanannya menggunakan tanah liat.



2. Pamerkan model haiwan kamu di atas kertas putih mengikut tabiat pemakanannya.



3. Perhatikan dan senaraikan model haiwan daripada kumpulan lain mengikut tabiat pemakanannya.



4. Bina peta pokok pengelasan tabiat pemakanan haiwan dalam buku latihan Sains.

Soalan

Apakah haiwan yang telah dikelaskan sebagai karnivor, herbivor dan omnivor?

**NOTA GURU**

- Pilihan jenis pengurusan grafik yang hendak digunakan boleh dipelbagaikan.
- Model haiwan boleh digantikan dengan gambar haiwan.

Buku Aktiviti
Halaman:

38-41

Kegigian Haiwan

Tahukah kamu haiwan mempunyai kegigian yang berbeza?

Haiwan Karnivor

- Mempunyai gigi taring yang lebih tajam berbanding dengan haiwan lain.
- Gigi taring yang tajam ini memudahkan haiwan karnivor mengoyakkan daging yang dimakan.



Haiwan Herbivor

- Mempunyai gigi kacip yang kuat untuk memotong tumbuh-tumbuhan.
- Mempunyai gigi geraham yang lebih besar untuk melumatkan tumbuh-tumbuhan yang dimakan supaya mudah ditelan.



Haiwan Omnivor

- Mempunyai gigi kacip untuk memotong makanan.
- Mempunyai gigi taring untuk mengoyakkan daging.
- Mempunyai gigi geraham untuk melumatkan makanan.



Bandingkan kegigian haiwan karnivor, herbivor dan omnivor.



KBAT

Adakah semua haiwan omnivor mempunyai ciri-ciri kegigian yang sama seperti di atas? Mengapa?

Sekiranya haiwan mempunyai kegigian yang tidak sesuai dengan tabiat makannya, apakah yang mungkin berlaku? Cuba perhatikan situasi di bawah.

Haiwan Herbivor



Mengapakah kambing di atas tidak dapat memotong rumput dengan mudah?



Haiwan Karnivor



Mengapakah singa di atas sukar untuk mengoyakkan daging?



Haiwan Omnivor



Mengapakah orang utan di atas dapat makan ikan dengan mudah tetapi sukar untuk makan buah pisang?



Mengapakah kegiatan haiwan herbivor, karnivor dan omnivor berbeza mengikut tabiat pemakanannya?



Perubahan Tabiat Pemakanan Haiwan

Beruang secara semula jadi ialah haiwan omnivor, iaitu memakan tumbuh-tumbuhan dan haiwan lain.



Namun, beruang kutub telah mengalami perubahan tabiat pemakanannya. Beruang kutub dikelaskan sebagai haiwan karnivor kerana hanya makan haiwan lain. Beruang kutub hidup di kawasan kutub yang sejuk dan diliputi ais. Tiada tumbuh-tumbuhan yang boleh tumbuh di kawasan kutub. Oleh sebab itu, beruang kutub hanya boleh makan haiwan lain.

Apakah contoh haiwan lain yang telah mengalami perubahan tabiat pemakanan semula jadinya? Jelaskan jawapan kamu.



Buku Aktiviti
Halaman:

44

**Alat dan Bahan**

- kad imbasan nama haiwan
- tali

Langkah-langkah

1.



Lantik seorang wakil kumpulan untuk digantungkan kad imbasan nama haiwan tanpa melihatnya.

2.



Murid tersebut perlu bertanya tentang tabiat pemakanan dan kegiatan haiwan tersebut kepada rakan kumpulannya.

3. Murid juga boleh bertanya tentang ciri-ciri lain yang terdapat pada haiwan tersebut.
4. Rakan-rakan hanya dibenarkan menjawab "Ya" atau "Tidak".
5. Selepas soal jawab, murid tersebut perlu meneka jenis haiwan pada kad imbasannya.

Soalan

Berdasarkan aktiviti di atas, nyatakan semula tabiat pemakanan dan kegiatan salah satu haiwan yang telah kamu teka.

NOTA GURU

- Aktiviti Ria Kenali Saya dilakukan dengan kaedah PAK-21 'Who Am I?'.

4.1.2
4.1.3
4.1.4



Langkah-langkah

Hasilkan topeng gigi haiwan menggunakan kad manila, warna air, berus lukisan, pita pelekat, pen penanda dan gunting. **Awas**



Ingat Semula

1. Pengelasan haiwan mengikut tabiat pemakanannya ialah:

Kelas	Tabiat pemakanan	Contoh haiwan
Herbivor	Makan tumbuh-tumbuhan sahaja	Arnab
Karnivor	Makan haiwan lain sahaja	Harimau
Omnivor	Makan tumbuh-tumbuhan dan haiwan lain	Ayam

2. Kegigian haiwan mengikut kelasnya adalah seperti yang berikut:



Karnivor



Herbivor



Omnivor

3. Haiwan boleh mengalami perubahan tabiat pemakanan semula jadi sekiranya berlaku perubahan keadaan di persekitarannya.

? Mari Jawab

Jawab semua soalan yang berikut dalam buku latihan Sains.

1. Apakah tabiat pemakanan haiwan di bawah? Jelaskan jawapan kamu.

(i)



kelawar

(ii)



katak

(iii)



lembu

2. Nyatakan dua contoh haiwan lain yang mempunyai tabiat pemakanan yang sama seperti haiwan di bawah.

(i)



belalang

(ii)



ikan jerung

(iii)



burung merpati

3. Gariskan jawapan yang betul.

- (i) Karnivor ialah haiwan yang makan (haiwan lain sahaja/ tumbuh-tumbuhan).
- (ii) Herbivor ialah haiwan yang makan (haiwan lain/ tumbuh-tumbuhan sahaja).
- (iii) Omnivor ialah haiwan yang makan (haiwan lain/tumbuh-tumbuhan).

4. Namakan dua haiwan yang mempunyai kegigian seperti yang berikut.

(i)



(ii)



(iii)



5. Jelaskan fungsi gigi kacip dan gigi geraham pada haiwan herbivor.



KBAT

Sekiranya sumber makanan semula jadi haiwan berkurangan, apakah yang akan berlaku kepada tabiat pemakanannya? Jelaskan.